



035-Analisis Tematik Hukum-Hakam Manusia-Haiwan di Dalam Kitab Fiqh Mazhab Syafie

***Muhammad Faiq Mohd Zailani**

Universiti Teknologi Malaysia

*E-mel: faiq99@graduate.utm.my/mfaiqzailani@gmail.com

Mohammad Naqib Hamdan

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel: mohammadnaqib@utm.my

Aimi Nadia Mohd Yusof

Universiti Teknologi Mara

E-mel: aiminadia@uitm.edu.my

Nur Najwa Hanani Abdul Rahman

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel: nurnajwahanani@utm.my

ABSTRAK

Konsep mencampurkan manusia-haiwan tidak asing lagi dalam dunia sains bioperubatan. Tambahan pula, usaha untuk mencampurkan sel manusia dengan haiwan sudah lama dilakukan oleh saintis untuk mengkaji penyakit manusia. Namun, timbul persoalan sekiranya percampuran manusia-haiwan boleh mengakibatkan haiwan tersebut mempunyai ciri-ciri manusia seperti ciri-ciri kognitif dan fizikal manusia. Maka, ahli bioetika dan ahli falsafah mula mengemukakan kesan daripada percampuran manusia-haiwan terhadap kemanusiaan dan status moral manusia. Antaranya yang mengatakan manusia-haiwan ini adalah manusia dan juga ada yang mengatakan sebaliknya. Hal ini juga boleh memberi impaks terhadap meletakkan hukum-hakam Islam kepada manusia-haiwan tersebut. Justeru, seiring dengan shariah Islam yang berkembang mengikut zaman, kajian ini dijalankan untuk mengemukakan implikasi percampuran manusia-haiwan terhadap hukum-hakam shariah menerusi analisis tematik terhadap kitab-kitab fiqh yang membahaskan isu percampuran manusia-haiwan ini. Dengan menggunakan kalimah mutawalid, aadami dan kalbun sebagai kata kunci, tema dibentuk untuk memberi kefahaman mengenai hukum-hakam percampuran manusia-haiwan, seterusnya dapat digunakan untuk membantu dalam penentuan hukum-hakam percampuran manusia-haiwan dalam sains bioperubatan. Hasil kajian mendapati beberapa perbahasan fiqh yang membahaskan hukum-hakam manusia-haiwan dalam Mazhab Syafie. Selain itu, wujud perbezaan hukum-hakam yang melibatkan perbezaan bentuk percampuran dan lain-lain yang melibatkan manusia-haiwan.

Kata Kunci: hukum fiqh; manusia-haiwan; sains bioperubatan; tematik



PENGENALAN

Saintis sedang cuba untuk menghasilkan entiti yang bercampur sel antara manusia dan juga haiwan. Entiti manusia-haiwan ini dikatakan boleh membawa manfaat dalam kajian sains perubatan (Levine & Grabel, 2017). Namun, percampuran manusia-haiwan ini menyebabkan sempadan antara manusia dan haiwan ini kabur sehingga timbul persoalan mengenai cara layanan dan cara meletakkan status moral terhadap manusia-haiwan ini sekiranya mereka berupa manusia atau mempunyai ciri-ciri neurologi manusia. Pelbagai cadangan telah diperkenalkan ahli bioetika dan ahli falsafah dalam meletakkan status moral manusia-haiwan ini. Antaranya adalah dengan meletakkannya sebaris dengan manusia dan ada juga yang tidak meletakkannya sebaris dengan manusia (Koplin, 2019).

Selain itu, percampuran manusia-haiwan ini juga boleh menyebabkan perubahan hukum terhadapnya kerana manusia-haiwan ini tidak boleh diberi hukum manusia sepenuhnya dan juga tidak boleh diberikan hukum haiwan sepenuhnya. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji implikasi percampuran manusia-haiwan ini terhadap hukum hakam Islam dengan menggunakan analisis tematik terhadap perbahasan manusia-haiwan dalam kitab-kitab Fiqh Syafie.

PERCAMPURAN MANUSIA-HAIWAN

Percampuran manusia-haiwan merujuk kepada hibrid manusia-haiwan iaitu mencampurkan DNA manusia dan haiwan dengan cara menggabungkan sel gamet manusia dengan sel gamet haiwan. Selain itu, percampuran sel manusia-haiwan juga boleh dilakukan dengan memasukkan sel manusia ke dalam embrio haiwan ataupun dipanggil sebagai chimera (Bokota, 2021). Terdapat beberapa manfaat percampuran manusia-haiwan ini dalam perubatan antaranya ialah untuk membentuk organ alternatif dalam rawatan pemindahan organ, menjadikan manusia-haiwan sebagai model kajian perkembangan manusia, digunakan untuk percubaan ubat-ubatan dan sebagainya (Levine & Grabel, 2017). Kajian yang terkini dijalankan dalam mencampurkan manusia-haiwan adalah untuk mengkaji tahap kelangsungan hidup sel manusia dalam haiwan selain untuk membentuk organ alternatif (Tan et al., 2021).

Percampuran manusia-haiwan telah dijadikan bahan uji kaji dalam penyelidikan bioperubatan sejak tahun 1900 an lagi. Antara kajian yang terawal adalah kajian di mana sel tumor manusia dipindahkan ke dalam tikus untuk mengkaji penyakit kanser manusia (Rygaard & Povlsen, 1969). Sejalan berkembangnya ilmu sains perubatan, kajian-kajian yang menggunakan percampuran manusia-haiwan ini semakin banyak, antaranya adalah untuk mengkaji penyakit neurologi manusia (De Los Angeles et al., 2018). Pada masa ini, saintis hanya menumpu untuk menghasilkan organ manusia-haiwan yang boleh digunakan dalam rawatan pemindahan organ dengan menggunakan kaedah yang berjaya mencampurkan sel dua mamalia berbeza (Tan et al., 2021; Wu et al., 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik iaitu satu kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan tema yang terbentuk dalam data. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik dijalankan dengan menggunakan 6 langkah berikut;

1. Membiasakan diri dengan data
2. Menghasilkan kodifikasi awal
3. Mencari tema
4. Membuat sorotan tema
5. Menamakan dan mendefinisikan tema
6. Menghasilkan laporan

Dalam kajian ini, data hanya dikumpulkan daripada kitab-kitab Fiqh mazhab Syafie dengan menggunakan kata kunci kalb (كلب الكلب), aadami (ادمي الادمي), mutawalid (متولد المتولد) dan walada (ولد الولد) dalam pangkalan data al-Maktabah al-Syamillah. Penggunaan pangkalan data Maktabah Syamilah memudahkan lagi dalam pencarian data. Perbahasan manusia-haiwan ini hanya dijumpai dalam kitab-kitab Fiqh Syafie sahaja dan tidak dijumpai lagi dalam mana-mana kitab Fiqh mazhab yang lain. Hasil carian mendapati hanya 9 buah kitab sahaja yang didapati membahaskan isu hukum-hakam manusia-haiwan seperti dalam Jadual 1. Perbahasan dalam kitab-kitab tersebut dijadikan data kajian ini.

Jadual 1: Hasil carian dengan menggunakan kata kunci mutawalid, walada, kalb, dan aadami.

Kata Kunci	Kitab	Muka surat (Jilid)
+ (متولد المتولد) + (ادمي الادمي) (كلب الكلب)	Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khatib al-Musamah Tuhfah al-Habib 'ala Syarah al-Khatib al-Ma'ruf bi al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Syuja'	326 (1)
		327 (1)
		104 (1)
	Al-Ghurur al-Bahiyah	40
	Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj wa Hawasyi al-Syirwani wa al-'Ibadi	290 (1)
		291 (1)
		292 (1)
	Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj wa ma'ahu Hasyiah al-Syibramilsi wa Hasyiah al-Maghribi al-Rashidi	237 (1)
		238 (1)
	I'arah al-Talibin 'ala Hal Alfaz Fath al-Mu'in	113
	Hasyiata Qalyubi wa 'Umairah	79 dan 253(3)
	Hasyiah al-Jamal ala Syarh Manhaj	172
(ولد) + (ادمي) كلب + (ادمي) (كلب الكلب)	Fath al-Muin bi Syarh Qurat al-Ain	77
	Mukhtasar Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj	225 (3)

Selepas mendapatkan perbahasan-perbahasan tersebut, kodifikasi telah dijalankan



melalui penelitian terhadap hukum yang dinyatakan dalam perbahasan manusia-haiwan. Seterusnya, perbahasan yang bersesuaian akan dikumpulkan mengikut tema yang berkaitan dengan persoalan hukum manusia-haiwan. Sorotan dan analisis dilakukan sebelum pengkategorian tema diperhalusi.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis tematik yang dijalankan terhadap perbahasan-perbahasan manusia-haiwan ini, beberapa tema hukum-hukum telah dibentuk seperti berikut;

Tema 1: Hukum Suci

Terdapat beberapa perbahasan mengenai status suci manusia-haiwan ini berdasarkan siapa induknya dan apakah rupa anaknya. Perbahasan ini telah dibentuk subtema seperti berikut;

Sub-tema 1: Anak manusia haiwan berupa manusia lahir dari induk manusia dan haiwan najis.

Pendapat pertama menunjukkan manusia-haiwan najis tersebut adalah suci. Sebagai contoh, petikan berikut menunjukkan bahawa manusia-haiwan najis adalah suci sekiranya berupa manusia walau separuh badannya sahaja;

الْمُتَوَلَّدِ بَيْنَ الْكَلْبِ وَغَيْرِهِ نَجَسًا إِنْ لَمْ يَكُنْ أَحَدُ أَصْلَيْهِ آدَمِيًّا، أَوْ كَانَ عَلَى غَيْرِ صُورَةِ
الْآدَمِيِّ، فَإِنْ كَانَ أَحَدُ أَصْلَيْهِ آدَمِيًّا وَكَانَ عَلَى صُورَةِ الْآدَمِيِّ وَلَوْ فِي نِصْفِهِ الْأَعْلَى فَقَطُّ، فَقَالَ
شَيْخُنَا م ر: هُوَ طَاهِرٌ وَيُعْطَى أَحْكَامَ الْآدَمِيِّينَ مُطْلَقًا،

Terjemahan: Anak yang dilahirkan daripada anjing dan selainnya adalah najis jika salah satu induknya bukan manusia, atau keadaannya bukan berupa manusia, sekiranya salah satu induknya adalah manusia dan keadaannya berupa manusia walau separuh atas badannya sahaja, maka berkata syeikh kita Imam Ramli: Dia adalah suci dan diberi hukum-hukum manusia (Al-Bujairimi, 2007).²¹⁶

Pendapat kedua mengatakan manusia-haiwan najis tersebut adalah najis seperti petikan berikut;

²¹⁶ Pandangan ini adalah pandangan muktamad di sisi Imam Ramli.



أَنَّ الْأَدَمِيَّ الْمُتَوَلَّدَ بَيْنَ آدَمِيٍّ أَوْ آدَمِيَّةٍ وَمُعَلَّظٍ لَهُ حُكْمُ الْمُعَلَّظِ فِي سَائِرِ أَحْكَامِهِ وَهُوَ وَاضِحٌ فِي النَّجَاسَةِ وَنَحْوِهَا

Terjemahan: Anak manusia yang dilahirkan antara manusia lelaki atau manusia perempuan dan haiwan najis mughallazah kepadanya diberi hukum mughallazah ke atas segala hukum-hukumnya dan jelas dalam bab kesucian dan sebagainya (Al-Haitami et al., 1938).

Sub-tema 2: Anak manusia-haiwan yang berupa haiwan najis lahir dari induk manusia dan haiwan najis.

Contoh, petikan yang menunjukkan anak manusia-haiwan yang berupa haiwan najis lahir dari induk manusia dan haiwan najis adalah najis;

فَإِنْ كَانَ الْمُتَوَلَّدُ بَيْنَ كَلْبٍ وَآدَمِيٍّ عَلَى صُورَةِ الْكَلْبِ فَنَجِسٌ

Terjemahan: Maka sekiranya keadaan anak yang dilahirkan dari anjing dan manusia berupa anjing maka najislah ia (Al-Haitami et al., 1938).

Sub-tema 3: Anak manusia-haiwan yang berupa manusia lahir daripada induk haiwan najis dan haiwan najis.

Pendapat pertama menunjukkan manusia-haiwan itu adalah suci berdasarkan petikan berikut;

وَاسْتَدَلَّ م ر عَلَى طَهَارَةِ الْمُتَوَلَّدِ بَيْنَ آدَمِيٍّ وَكَلْبٍ بِإِطْلَاقِهِمْ طَهَارَةَ الْأَدَمِيِّ وَهَذَا يَشْمَلُ مَا تَوَلَّدَ بَيْنَ كَلْبَيْنِ.

Terjemahan: dan Imam Ramli menyimpulkan kesucian anak (manusia-haiwan berupa manusia) yang dilahirkan antara manusia dan anjing dengan memberikan mereka kesucian manusia dan perkara ini juga termasuk apa (manusia-haiwan berupa manusia) yang dilahirkan antara kedua-duanya anjing (Al-Ansari, n.d.).

Pendapat kedua yang mengatakan bahawa manusia-haiwan itu adalah najis melalui petikan berikut;

وَالْأَدَمِيُّ بَيْنَ كَلْبَيْنِ نَجِسٌ قَطْعًا،

Terjemahan: dan manusia antara anjing dan anjing adalah najis qatie (Al-Bujairimi, 2007).



Sub-tema 4: Anak manusia-haiwan berupa anjing yang lahir daripada induk manusia dan manusia.

Anak manusia-haiwan berupa bentuk anjing yang lahir daripada induk manusia dan manusia adalah suci berdasarkan petikan berikut;

وَالْكَلْبُ بَيْنَ آدَمِيِّينَ طَاهِرٌ

Terjemahan: dan anjing antara manusia dan manusia adalah suci (Al-Bujairimi, 2007).

Sub-tema 5: Anak manusia-haiwan berupa manusia yang lahir daripada induk haiwan suci dan haiwan suci.

Anak manusia-haiwan berupa manusia lahir dari induk kedua-duanya haiwan yang suci seperti kambing, lembu dan kerbau adalah suci menurut petikan di bawah;

وَأَمَّا مُتَوَلِّدٌ بَيْنَ شَاتَيْنِ مَثَلًا وَهُوَ عَلَى صُورَةِ الْآدَمِيِّ فَطَاهِرٌ

Terjemahan: dan sekiranya anak yang dilahirkan antara dua ekor kambing sebagai contoh dan dia berupa bentuk manusia maka sucilah ia (Al-Bujairimi, 2007)

Tema 2: Hukum Ibadat

Sah ibadat manusia-haiwan ini, boleh mengimamkan solat, berkhotbah dan dikira dalam jemaah solat Jumaat berdasarkan petikan berikut;

وَالْأَقْرَبُ أَنْ يُقَالَ بِصِحَّةِ إِقَامَتِهِ وَسَائِرِ عِبَادَاتِهِ، وَأَنَّهُ يُعَدُّ مِنَ الْأَرْبَعِينَ فِي الْجُمُعَةِ لِأَنَّهَا مَنُوطَةٌ بِالْعَقْلِ،

Terjemahan: dan yang paling dekat dikatakan sah solatnya dan seluruh ibadatnya, dan ia dikira dalam 40 daripada Jemaah Jumaat kerana sahnya ibadah bergantung kepada akal fikiran (Al-Ramli et al., 2003).

Namun ada yang mengatakan bahawa manusia-haiwan tidak dikira dalam 40 jemaah Jumaat menurut petikan berikut;

وَقَدْ يُقَالُ: لَا يُحْسَبُ مِنَ الْأَرْبَعِينَ لِأَنَّهُ لَيْسَ مِنْ جِنْسٍ مَنْ تَنْعَقِدُ بِهِمُ الْجُمُعَةُ،

Terjemahan: dan dikatakan: tidak dikira daripada 40 kerana ia tidak daripada jenis yang dikehendaki kepadanya Jumaat (Al-Ramli et al., 2003).



Begitu juga sekiranya manusia-haiwan yang dibentuk dengan haiwan najis berdasarkan petikan berikut:

إِنْ كَانَ عَلَى صُورَتِهِ وَلَوْ فِي النَّصْفِ الْأَعْلَى فَقَطْ فَهُوَ طَاهِرٌ فِي الْعِبَادَاتِ فَيُصَلِّي وَلَوْ إِمَامًا وَيَدْخُلُ الْمَسَاجِدَ وَيُخَالِطُ النَّاسَ،

Terjemahan: Sekira keadaannya walau separuh atasnya (badan) sahaja makai a suci dalam ibadat maka solatlah ia walau berimam dan memasuki masjid dan menyentuh manusia (Al-Bujairimi, 2007),

Sahnya ibadat manusia-haiwan ini perlu memenuhi syarat bahawa manusia-haiwan ini berakal kerana dengan adanya akal maka jatuhlah taklif ibadah kepada manusia-haiwan ini (Al-Ramli et al., 2003).

Tema 3: Hukum Sembelih dan Makan

Dalam hukum sembelih dan makan manusia-haiwan ini, ulama' telah melihat kepada induk yang digunakan untuk membentuk manusia-haiwan ini. Jika, salah satu induknya haiwan yang haram jelas tidak boleh disembelih dan dimakan. Manakala, jika induk manusia digunakan dalam membentuk manusia-haiwan ini, maka manusia-haiwan tersebut tidak boleh disembelih dan dimakan kerana manusia adalah individu yang tidak boleh dimakan. Sebagai contoh, petikan dari Hasyiah Syibramilsi yang tidak membenarkan manusia-haiwan ini;

قَالَ بَعْضُهُمْ: وَلَوْ وَطِئَ أَدَمِيٌّ بِهَيْمَةٍ فَوَلَدَهَا الْأَدَمِيُّ مَلَكَ لِمَالِكِهَا اهـ. وَهُوَ نَفِيسٌ، وَعَلَى قَاتِلِهِ قِيمَتُهُ وَلَا يُؤْكَلُ نَظْرًا لِأَحَدٍ أُصْلِيهِ

Terjemahan: telah berkata sebahagian mereka: dan jika berzina manusia dengan haiwan ternakan dan lahir anak manusia ...dan ke atas pembunuhnya qimah dan tidak boleh dimakan melihat kepada salah satu induknya... (Al-Bujairimi, 2007).

Tetapi berbeza sekiranya kedua-dua induknya adalah haiwan yang boleh dimakan, maka anak tersebut boleh disembelih dan dimakan walau berupa manusia. Contohnya dalam petikan berikut;

وَكَذَا الْمُتَوَلَّدُ بَيْنَ شَاتَيْنِ وَهُوَ عَلَى صُورَةِ الْأَدَمِيِّ إِذَا كَانَ يَنْطِقُ وَيَعْقِلُ وَيَجُوزُ ذَبْحُهُ وَأَكْلُهُ

Terjemahan: dan begitu juga anak yang dilahirkan daripada kedua-dua induknya kambing dan dia berupa manusia, jika bercakap dan berakal dan boleh menyembelih dan memakannya (Al-Haitami et al., 1938).



Tema 4: Hukum Bernikah

Manusia-haiwan dilarang sama sekali bernikah sama ada dengan lelaki, perempuan mahupun sejenisnya iaitu manusia-haiwan sama ada haiwan najis ataupun haiwan suci. Contoh larangan boleh dilihat dalam petikan berikut;

المتولد بين آدمي أو آدمية ومغلاظ لا يحلُّ مناكحته ولو لمن هو مثله

Terjemahan: anak yang dilahirkan antara manusia lelaki atau perempuan dan haiwan najis mughallazah tidak diharamkan bernikah walau dengan yang semisalnya... (Samit, 2008).

Larangan bernikah bagi manusia-haiwan suci boleh dilihat dalam bab nikah Hasyiah Qalyubi.

وَكَذَا مُتَوَلِّدٌ كَذَلِكَ وَمِنْهُمَا الْمُتَوَلِّدُ بَيْنَ آدَمِيِّ وَبَهِيمَةٍ، وَلَوْ عَلَى صُورَةِ الْآدَمِيِّ ذَكَرًا كَانَ أَوْ
أُنْثَىٰ أَيْضًا

Terjemahan: dan begitu juga (haram dinikahi) anak yang dilahirkan antara manusia dan haiwan ternakan, walau berupa manusia lelaki atau perempuan (Qalyubi & Umairah, 1955).

Tema 5: Hukum Wilayah

Manusia-haiwan diberikan hukum suci dalam hal wilayah sama ada wilayah nikah atau wilayah qadha'. Hal ini juga meliputi bagi ulama, yang berpendapat manusia-haiwan adalah najis. Sebagai contoh dalam petikan berikut;

وَيَتَوَلَّى الْوِلَايَاتِ كَالْقَضَاءِ وَوَلَايَةِ الْتَّكَاحِ

Terjemahan: dan menjadi wali bagi wilayah seperti qhada' dan wilayah nikah (Al-Haitami et al., 1938).

Namun, ada pendapat juga yang tidak membenarkan manusia-haiwan untuk menjadi wilayah seperti petikan berikut;

وَمَنْعَهُ الشَّارِحُ مِنَ الْوِلَايَاتِ أَيْضًا،

Terjemahan: dan syarih juga menghalangnya (manusia-haiwan) dari wilayah (Al-Bujairimi, 2007).



Tema 6: Hukum Mawarith dan Berwasiat

Antara contoh petikan yang menunjukkan hukum mawarith bagi manusia-haiwan adalah:

وَلَهُ حُكْمُ النَّجْسِ فِي الْأَنْكِحَةِ وَالْتَّسْرِيِّ وَالذَّبِيحَةِ وَالتَّوَارِثِ

Terjemahan: dan kepadanya (manusia-haiwan) hukum najis pada hal nikah, mengambil gundik, sembelihan dan mewarisi harta (Al-Bujairimi, 2007).

Petikan di atas jelas menunjukkan manusia-haiwan tidak boleh mewarisi harta. Manakala, dalam hal wasiat pula, ulama berpendapat bahawa wasiatnya adalah sah seperti dalam petikan berikut;

وَصِحَّةُ قَضَائِهِ وَتَرْوِيحِهِ مُوَلِّيَّتُهُ وَوَصَائِيَّتِهِ،

Terjemahan: dan sah qhada'nya, mengahwinkan yang lain, perwaliannya, dan wasiatnya (Qalyubi & Umairah, 1955).

PERBINCANGAN

Hasil analisis tematik perbahasan manusia-haiwan dalam kitab fiqh Mazhab Syafie menunjukkan bahawa percampuran manusia-haiwan boleh membawa implikasi terhadap hukum hakam dalam Islam antaranya hukum-hakam berkaitan status suci manusia-haiwan apabila melibatkan percampuran yang suci dengan yang najis, ibadat manusia-haiwan, penyembelihan manusia-haiwan ternakan, hal pernikahan, hal perwalian dan perwarisan dan wasiat. Perkara ini menunjukkan bahawa hukum hakam Islam dan taklifat tidak terbatas kepada manusia sahaja, akan tetapi kepada apa-apa entiti yang berakal kerana akal merupakan tunjang kepada hukum hakam Islam. Akal memainkan peranan penting dalam membezakan manusia dan haiwan (Ibn Jawzi, 2003). Selain itu, manusia-haiwan dalam perbahasan ini tidak diberikan hukum-hakam Islam seperti manusia sepenuhnya tetapi tidak boleh dianggap seperti haiwan kerana masih diberi hak manusia yang lain sekiranya salah satu induk adalah manusia.

Isu meletakkan status moral terhadap manusia-haiwan ini dijadikan perdebatan dalam kajian-kajian yang lepas. Menurut mereka, percampuran manusia-haiwan ini boleh menyebabkan kekeliruan status moral (Koplin, 2019). Namun, Islam meletakkan moral manusia melalui akalunya. Firman Allah Taala bahawasanya manusia yang tidak menggunakan akalunya untuk berfikir adalah seperti lembu malah lebih teruk darinya (al-Rum, 25:44). Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa manusia yang tidak mahu berfikir dan memahami perintah Allah Taala adalah lebih teruk daripada lembu kerana lembu bertindak mengikut tuannya (At-Tabari, 1994; Ibn Kathir, 1999). Hasil kajian ini dan ayat al-Quran tersebut jelas mampu untuk menjawab perdebatan status moral manusia-haiwan di mana bukanlah penampilan yang



menentukan status moral manusia-haiwan tetapi tahap kognitif atau akal yang boleh menentukan status moral manusia-haiwan.

Kajian ini penting dalam menetapkan fatwa terhadap manusia-haiwan bagi menjaga Maqasid Shariah. Resolusi fatwa perlu dikeluarkan bagi setiap permasalahan baharu perlu dikeluarkan demi menjaga masalah dan mafsadah masyarakat awam. Analisis tematik terhadap perbahasan manusia-haiwan dalam kitab fiqh sangat membantu institusi fatwa dalam mengeluarkan fatwa yang berkaitan. Namun, perbahasan ini hanya dibahaskan dalam mazhab Syafie kerana tidak dijumpai perbahasan yang sama dalam mazhab lain. Kajian yang lebih lanjut boleh dilakukan dengan membahaskan hukum hakam manusia-haiwan daripada mazhab yang lain sekiranya dijumpai perbahasan manusia-haiwan ini. Selain itu, hukum fiqh yang lain melibatkan manusia-haiwan juga boleh dijalankan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbahasan hukum manusia-haiwan dalam kitab fiqh mazhab Syafie. Dengan menggunakan analisis tematik, kajian ini menyimpulkan bahawa percampuran manusia-haiwan memberi implikasi terhadap perubahan hukum. Hasil kajian menunjukkan bahawa percampuran manusia-haiwan mempengaruhi hukum status suci, hukum ibadat, penyembelihan, pernikahan, perwalian dan perwarisan. Namun, perlu diingatkan bahawa percampuran manusia-haiwan ini masih lagi dalam tahap penyelidikan dan belum dipastikan lagi hasil percampuran manusia-haiwan tersebut. Hukum ini adalah hanyalah berdasarkan pandangan dalam Mazhab Syafie sahaja. Kajian yang lebih lanjut boleh dilakukan dengan melihat hukum hakam manusia-haiwan dalam mazhab yang lain. Kajian seperti ini sangat membantu dalam memahami perkembangan sains sel tunjang dalam konteks Syariah. Diharapkan kajian seperti ini boleh membawa manfaat dalam mengeluarkan hukum berkaitan organ manusia-haiwan kelak.

RUJUKAN

- Al-Ansari, Z. bin M. (n.d.). Al-Ghurur al-Bahiyah. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Bujairimi, S. bin M. bin U. al-S. (2007). Hasyiah al-Bujairimi "ala al-Khatib al-Musamah Tuhfah al-Habib 'ala Syarah al-Khatib al-Ma'ruf bi al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Syuja." Dar Al-Fikr.
- Al-Haitami, I. H., Al-Islam, S. S., Al-Abas, A., Al-Syirwani, A., & Al-Ibadi, I. Q. (1938). Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj. al-Maktabah al-Tijariah al-Kubra.
- Al-Ramli, M. bin Ab. al-A. A. bin H. bin S., Al-Syibramilsi, A. bin A., & Al-Rashidi, A. bin A. al-M. (2003). Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj wa Ma'ahu Hasyiah al-Syibramilsi wa Hasyiah al-Maghribi al-Rashidi. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- At-Tabari. (1994). Tafsir At-Tabari min Kitabih Jami' Al-Bayan an Taa'wil ayu Al-Quran (B. I. Ma'ruf & I. F. Al-Harastani (eds.); 2nd Ed.). Muassasah Ar-Risalah.
- Bokota, S. (2021). Defining human-animal chimeras and hybrids: A comparison of legal systems and natural sciences. *Ethics & Bioethics*, 11(1-2), 101-114.



- <https://doi.org/10.2478/ebce-2021-0001>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Qualitative Research in Psychology Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <http://www.tandfonline.com/action/journalInformation?journalCode=uqrp20%5Cnhttp://www.tandfonline.com/action/journalInformation?journalCode=uqrp20>
- De Los Angeles, A., Hyun, I., Latham, S. R., Elsworth, J. D., & Eugene Redmond, D. (2018). Human-Monkey Chimeras for Modeling Human Disease: Opportunities and Challenges. *Stem Cells and Development*, 27(23), 1599–1604. <https://doi.org/10.1089/scd.2018.0162>
- Ibn Jawzi. (2003). *Akhbar Al-Azkiya'* (Bassam Abdul Wahhab Al-Jabiy (ed.); 1st Ed.). Dar Ibn hazim.
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-Azim* (S. bin M. As-Salaamah (ed.); 2nd Ed.). Dar At-Toyyibah.
- Koplin, J. J. (2019). Human-Animal Chimeras: The Moral Insignificance of Uniquely Human Capacities. *Hastings Center Report*, 49(5), 23–32. <https://doi.org/10.1002/hast.1051>
- Levine, S., & Grabel, L. (2017). The contribution of human/non-human animal chimeras to stem cell research. *Stem Cell Research*, 24, 128–134. <https://doi.org/10.1016/j.scr.2017.09.005>
- Qalyubi, & Umairah. (1955). *Hasyiata Qalyubi wa Umairah ala Syarh Mahalli ala Minhaj al-Tholibin*.
- Rygaard, J., & Povlsen, C. O. (1969). Heterotransplantation of A Human Malignant Tumour to "Nude" Mice. *Acta Pathology Microbiology Scandal*, 77, 758–760.
- Samit, M. bin H. bin H. bin. (2008). *Mukhtasar Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh Minhaj*. Markaz al-Nur li Dirasah wa Abhas.
- Tan, T., Wu, J., Si, C., Ji, W., Niu, Y., Carlos, J., Belmonte, I., Tan, T., Wu, J., Si, C., Dai, S., Zhang, Y., Sun, N., Zhang, E., & Shao, H. (2021). Chimeric contribution of human extended pluripotent stem cells to monkey embryos ex vivo. *Cell*, 184(8), 2020–2032. <https://doi.org/10.1016/j.cell.2021.03.020>
- Wu, J., Platero-Luengo, A., Sakurai, M., Sugawara, A., Gil, M. A., Yamauchi, T., Suzuki, K., Bogliotti, Y. S., Cuello, C., Valencia, M. M., Okumura, D., Luo, J., Vilariño, M., Parrilla, I., Soto, D. A., Martinez, C. A., Hishida, T., Sánchez-Bautista, S., Martinez-Martinez, M. L., ... Belmonte, J. C. I. (2017). Interspecies Chimerism with Mammalian Pluripotent Stem Cells. *Cell*, 168(3), 473-486.e15. <https://doi.org/10.1016/J.CELL.2016.12.036>